

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1993/1994

Oktober/November 1993

RMT 552 - Pengurusan Projek 1

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT Soalan Sahaja.

1. a) Jelaskan definasi petunjuk-petunjuk ekonomi.  
b) Jelaskan bagaimana sesuatu petunjuk yang dipilih boleh digunakan untuk membandingkan prestasi industri binaan dalam suatu jangka masa untuk sesebuah negara dengan negara yang lain atau wilayah.  
c) Berikan 3 Contoh petunjuk-petunjuk utama aktiviti ekonomi.

(25 markah)

2. a) Jelaskan kesan kelebihan masa dalam sesuatu jangkamasa kontrak projek-projek binaan ke atas ekonomi negara dan keuntungan firma-firma binaan.  
b) Cadangkan cara-cara mengurangkan lebih masa tersebut.

(25 markah)

3. Masalah mendapatkan modal merupakan salah satu dari isu penting terutamanya di kalangan pengusaha dan peniaga kecil. Pada pandangan anda mengapakah masalah ini timbul. Berikan cadangan-cadangan anda tentang cara mengatasinya.

(25 markah)

...2/-

4. Pengswastaan projek-projek pembinaan ialah salah satu mekanisma mencapai wawasan negara ke arah negara per-industrian. Bincangkan:

- a) Cara dan kaedah bagaimana firma binaan yang sedang berkembang boleh mendapatkan faedah dari proses pengswastaan.
- b) Halangan-halangan yang dihadapinya.

(25 markah)

5. a) Bincangkan konsep permintaan dan penawaran perumahan dan bagaimana tingkat harga boleh ditentukan.

- b) Matlamat pemaju perumahan ialah memaksimumkan keuntungan tetapi beban sosial semakin meningkat. Pada pendapat anda apakah insentif-insentif diperlukan oleh pemaju perumahan untuk memastikan kewujudannya yang berterusan dalam pasaran perumahan.

(25 markah)

6. a) Secara ringkas bincangkan kepentingan pelan-pelan struktur sesuatu kawasan dalam konteks perlunjuran peluang-peluang dalam sektor pembinaan dan hartanah pada masa hadapan.

- b) Berdasarkan kepada pembacaan dan pengalaman anda, terangkan bagaimana peluang-peluang ini boleh dimajukan sebagai cadangan pelaburan yang berkesan untuk firma binaan atau pemaju.

(25 markah)